



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

ANTARA DUA JARI BAGINDA

Tarikh Dibaca:

**4 RABIULAKHIR 1447H /
26 SEPTEMBER 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إدارة Kemajuan Islam Malaysia
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

ANTARA DUA JARI BAGINDA

26 SEPTEMBER 2025 / 4 RABIULAKHIR 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ أَقْرَبَتِ السَّاعَةُ وَأَنْشَقَّ الْقَمَرُ ﴾ [القمر 1]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian dan janganlah sibuk dengan apa-apa jua perkara *lagha* yang boleh mengalihkan tumpuan daripada khutbah ini. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: '**Antara Dua Jari Baginda**'.

Sebelum meneruskan khutbah, saya ingin menyeru saudara-saudara sekalian untuk terus bermunajat dan memohon pertolongan kepada Allah SWT agar memberi pertolongan kepada penduduk Palestin yang dianiaya teruk oleh rejim zionis Israel. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kita melainkan dengan mengharap pertolongan dan kekuatan Allah SWT jua.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Masa bergerak pantas, seakan tidak menoleh ke belakang. Dunia kini sarat dengan kemajuan yang mengasyikkan, manakala maklumat merentas sempadan hanya dengan

sekali sentuhan. Namun di sebalik hiruk-pikuk ini, ramai yang lalai dan terpesona dengan bayang keseronokan yang fana hingga terlupa akan hakikat yang pasti iaitu suatu hari kelak, detik kematian akan menjemput tanpa amaran.

Begitulah Allah SWT sebenarnya telah mengingatkan kepada kita tentang betapa hampirnya kita dengan hari kiamat sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Qamar ayat satu yang dibaca pada awal khutbah tadi bermaksud:

“Telah dekat datangnya saat itu (kiamat), dan telah terbelah bulan”.

Dalam mentafsirkan ayat ini, Al-Hafiz Ibnu Kathir *rahimahullah* menjelaskan bahawa Allah SWT mengingatkan kita tentang betapa dekatnya hari Kiamat serta hampir berakhirnya segala urusan dunia dan segala yang ada di dalamnya. Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada Sahl bin Sa’d *radhiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

بُعِثْتُ أَنَا وَالسَّاعَةُ كَهَاتَيْنِ، وَيُشِيرُ بِإِصْبَعِيهِ فِيمَا هُمَا

Maksudnya: “Jarak diutusnyaku dan hari Kiamat seperti dua (jari) ini”. Baginda memberikan isyarat dengan kedua jarinya (jari telunjuk dan jari tengah), lalu merenggangkannya”.

Manakala peristiwa bulan terbelah telah pun berlaku pada zaman Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan dalam hadis-hadis sahih. Para ulama bersepakat bahawa ia merupakan salah satu mukjizat agung yang Allah kurniakan kepada Baginda SAW sebagai bukti kebenaran risalahnya. Namun, peristiwa itu bukan sekadar mukjizat, bahkan ia juga menjadi isyarat awal kepada hampirnya hari kiamat, sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat pertama Surah al-Qamar tadi.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Kehidupan ini hanya dapat difahami maknanya apabila kita benar-benar mengimani hari kiamat. Hanya dengan menyedari bahawa hidup ini akan berakhir, barulah kita tahu apa yang patut dikejar dan apa yang wajib ditinggalkan. Kiamat bukan sekadar kematian, tetapi ia permulaan kehidupan yang sebenar. Hari ketika bumi hancur, langit digulung, gunung-ganang berterbangan seperti kapas, lautan meluap kepanasan, bintang-bintang berguguran, dan setiap manusia dipersiapkan satu persatu.

Begitulah yang difahami para sahabat apabila mendengar ayat-ayat al-Quran dan sabdaan Nabi SAW tentang kedahsyatan kiamat. Air mata mereka mengalir, hati mereka gementar, bahkan ada yang jatuh pingsan kerana takutkan azab Allah. Demikian juga para ulama, seperti Abdullah bin Mubarak yang menangis teresak-esak ketika kegelapan malam mengingatkannya kepada suasana hari kebangkitan.

Maka, persediaan menuju hari itu bukanlah mainan. Ia menuntut kita bersungguh-sungguh menjaga solat, menyempurnakan ibadah, mendidik anak-anak mencintai akhirat lebih daripada hiburan, menunaikan tanggungjawab memberi kefahaman agama kepada keluarga, serta menjaga diri daripada apa sahaja yang Allah haramkan. Itulah bekal sebenar yang akan menyelamatkan kita pada hari yang amat dahsyat itu.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Dunia ini hanyalah persinggahan yang sangat singkat. Sehebat mana pun kehidupan di sini, ia akan berlalu dan kita pasti menuju akhirat yang kekal abadi. Hidup ini ibarat kapal yang berlabuh sebentar sebelum meneruskan pelayaran. Maka, siapkan bekalan diri dengan amal soleh sebelum perjalanan panjang itu bermula.

Bekal yang utama ialah akidah yang benar, bersih daripada syirik dan penuh keyakinan kepada keesaan Allah SWT. Ia mesti disertai dengan ibadah yang ikhlas, khususnya solat lima waktu yang menjadi tiang agama. Dosa-dosa yang lalu hendaklah dibasuh dengan taubat yang tulus, disertai penyesalan dan tekad tidak mengulanginya.

Hidupkan hati dengan zikir, bacaan al-Quran, serta doa agar Allah mengurniakan *husnul khatimah*. Hubungan sesama manusia juga perlu dipelihara dengan akhlak mulia, saling memaafkan dan menghindari perpecahan. Serta jangan lupa memperbanyakkan amal jariah seperti sedekah, wakaf, ilmu yang bermanfaat, dan doa anak yang soleh, kerana itulah bekalan yang akan terus mengalir walaupun kita sudah tiada.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Marilah kita sama-sama bermuhasabah, sudahkah kita benar-benar bersedia menghadapi hari yang dahsyat itu dengan bekalan taubat, amal soleh dan jauh daripada maksiat? Inilah saatnya untuk kembali kepada Allah SWT, memperbanyakkan istighfar, mendekatkan diri dengan al-Quran serta majlis ilmu, dan menjadikan dunia ini ladang

kebaikan untuk dituai di akhirat kelak. Semoga dengan itu Allah Yang Maha Pengasih melindungi kita daripada fitnah kiamat, memudahkan langkah kita di padang mahsyar, dan menempatkan kita dalam syurga-Nya bersama para hamba yang beriman. Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.

Justeru, sebelum mengakhiri khutbah, saya tinggalkan beberapa pesanan buat peringatan semua;

Pertama: Kiamat itu terlalu hampir, sedangkan kita masih lalai dibuai dunia, padahal setiap detik yang berlalu kian menghampirkan kita kepada saat kehancuran yang pasti.

Kedua: Hidup ini hanya akan bernilai jika diisi dengan persiapan menuju kiamat, kerana di saat bumi hancur dan manusia dihisab satu persatu, hanya iman, taubat dan amal soleh yang mampu menyelamatkan kita.

Ketiga: Dunia ini hanya persinggahan yang singkat, maka siapkanlah bekal iman, taubat dan amal soleh sebelum tiba perjalanan abadi menuju akhirat yang pasti.

Hayati firman Allah SWT melalui Surah al-Hasyr ayat 18 sebagai renungan kita bersama:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۗ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan”.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
 بِالصَّلَاةِ وَالسَّلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ ائْخُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ فَرْمَايسُورِي ائْخُوغْ، رَاغْ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah, Yang Maha Gagah lagi Maha Perkasa! Lindungilah dan berilah mereka kekuatan serta kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya kepada Engkau jualah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah, Tuhan Yang Maha Perkasa lagi Maha Penyayang! Kami memohon dengan penuh rendah diri agar Engkau lindungi saudara-saudara kami pasukan Global Sumud Flotila yang kini sedang berlayar membawa misi kemanusiaan ke Gaza. Jadikanlah perjalanan mereka perjalanan yang diberkati, jauhkanlah mereka dari segala bahaya dan makar musuh yang zalim. Ya Allah! Bentangkanlah lautan untuk mereka dengan tenang, limpahkanlah malaikat-Mu untuk menjaga mereka di kanan dan kiri, dan kurniakanlah kekuatan iman serta kesabaran dalam melaksanakan misi mulia ini. Ya Allah! Sampaikanlah mereka dengan selamat ke destinasi, jadikanlah bantuan yang dibawa sebagai sinar harapan buat saudara kami di bumi Gaza, dan angkatlah darjat mereka sebagai pejuang di jalan-Mu.

Ya Allah! Jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kemarau, banjir, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kesesatan, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kami melainkan dengan pertolongan-Mu jua Ya Allah!

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.